

# **PELAKSANAAN PROGRAM i-THINK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH SEKOLAH RENDAH DI DAERAH PAPAR DAN PENAMPANG, SABAH**

## ***Implementation of i-THINK Program in Primary Teaching and Learning in Papar and Penampang District, Sabah***

*Lisa Yip Shukye, PhD*  
*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*  
*lisa@ipgkik.edu.my*

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan program i-THINK dan juga masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah rendah daerah Papar dan Penampang, Sabah. Populasi kajian adalah seramai 37 orang guru sejarah. Instrumen kajian ini terdiri daripada borang soal selidik. Hasil dapatan menunjukkan skor min keseluruhan adalah tinggi ( $M=3.75$ ). Namun begitu guru-guru ini masih kurang menguasai dalam aspek (i) pembinaan soalan KBAT, dan (ii) mempelbagaikan kaedah serta pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah. Dapatan kajian turut menunjukkan antara masalah yang dihadapi oleh guru sejarah ialah (i) sikap murid, (ii) murid lemah, (iii) kurikulum sejarah, (iv) kekurangan sumber, dan (v) beban kerja guru. Sesungguhnya ketandusan kepelbagaian kaedah dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah menunjukkan pengajaran guru lebih banyak diorientasikan oleh keperluan peperiksaan dan menghabiskan sukatan pelajaran serta terlalu terikat dengan buku teks.*

*Kata kunci:* program i-THINK, kemahiran pemikiran sejarah, sejarah sekolah rendah


### **ABSTRACT**

*This study aims to identify the level of implementation of the i-THINK programmes as well as the problems faced by teachers in the teaching and learning of history in the primary schools at Papar and Penampang Districts in Sabah. This study involved 37 history teachers. The research instrument was mainly a questionnaire. The results showed that the overall mean score was high ( $M = 3.75$ ). However, these teachers were found to be still lacking in the aspects of (i) the construction of HOTS questions, and (ii) the variety of methods and approaches in the teaching and learning of history. The findings also show that the problems faced by history teachers are (i) pupils' attitudes, (ii) students' weaknesses, (iii) history curriculum, (iv) lack of resources, and (v) teachers' workload. Indeed, the lack of diversity in methods and approaches in the teaching and learning of history shows that teaching is more exam oriented and driven by the need to meet examination requirements besides being tied closely to textbooks.*

*Keywords:* i-THINK program, historical thinking skills, primary school history

### **PENGENALAN**

Transformasi dalam pendidikan di Malaysia yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 diperincikan dalam 11 anjakan. Dalam anjakan pertama dinyatakan, ‘Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa’. Anjakan pertama ini diperjelaskan dengan menerangkan bahawa peperiksaan dan pentaksiran kebangsaan dirombak untuk meningkatkan tumpuan terhadap Kemahiran Belajar Aras Tinggi (KBAT) pada tahun 2016. Satu daripada ciri utama yang perlu diterap dalam diri murid abad ke-21 ini ialah kemahiran berfikir pada aras yang tinggi. Jelas ditunjukkan di sini bahawa hala tuju Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah untuk membawa sistem pendidikan negara berkualiti hingga ke taraf antarabangsa dengan memberi tumpuan kepada menjana modal insan yang berani menghadapi cabaran abad ke-21 kerana mereka berupaya berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif (Think Beyond, hlm. 15). Berikut adalah keperluan pembelajaran dan pengajaran abad ke



**Rajah 1.** Pembelajaran abad ke-21

Sejarah ialah mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun empat di Tahap II pada tahun 2014. Ini bertujuan menyemai kefahaman murid terhadap mata pelajaran sejarah di peringkat awal agar murid memperoleh dan menguasai pengetahuan serta kemahiran sejarah. Matlamat mata pelajaran ini adalah untuk melahirkan murid-murid yang bukan sahaja mengetahui secara fakta perkembangan sejarah di tanah air khususnya dan di negara luar amnya tetapi juga mampu merangsang pemikiran murid-murid melalui proses pembelajaran yang dilalui oleh mereka. Pengajaran sejarah tidak seharusnya tertumpu kepada muntahan fakta daripada guru kepada murid. Sebaliknya, mata pelajaran ini mestilah lebih bercorak merangsang pemikiran sejarah, iaitu situasi dengan murid berfikir secara kritis, mampu membuat perkaitan antara satu peristiwa dengan satu

peristiwa yang lain, membuat interpretasi, mencari bukti, membuat pertimbangan dan ramalan serta imaginasi. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan Program i-THINK dalam mata pelajaran sejarah sekolah rendah di daerah Papar dan Penampang, Sabah setelah pelaksanaannya selama enam tahun lepas.

### **PENYATAAN MASALAH**

Program Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) telah mula diperkenalkan pada tahun 1994. Guru telah diperkenalkan dengan pelbagai alat berfikir. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru kurang berkemahiran pemikiran aras tinggi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka. Pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah banyak berpusatkan guru dan menjuruskan kepada persediaan peperiksaan. Dapatan ini dikukuhkan dengan laporan kajian keperluan oleh Perunding Kestrel Education (UK) dan 21<sup>st</sup> Century Schools (USA) yang dibentangkan pada 2 November 2011. Kajian mendapati bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia amat rendah. Prestasi murid dalam Trends in International Mathematis and Science Study (TIMSS) dan Programme for International Student Assessment (PISA) tahun 2009 dan tahun 2012 di Malaysia didapati agak rendah. Hasil dapatan kajian melalui TIMSS dan PISA telah menjadi *turning point* kepada KPM untuk melaksanakan transformasi dalam bidang pendidikan supaya selari dengan cabaran abad ke-21. Semua dapatan ini telah mendorong pihak KPM untuk memantapkan usaha ke arah menghasilkan modal insan yang berupaya berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif serta mampu menghadapi cabaran abad ke-21 (Think Beyond, 2013 hlm. 3).

i-THINK merupakan salah satu teknik yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. i-THINK digunakan untuk menggalakkan dan mengembangkan kebolehan berfikir aras tinggi dalam kalangan murid di sekolah. Selain itu, guru sejarah memerlukan kepelbagaian dalam teknik pengajaran dan pembelajaran supaya dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap mata pelajaran sejarah. Kaedah pengajaran yang bersifat pemusatan guru seperti penggunaan kapur dan papan tulis, tidak membantu dalam pengembangan kemahiran berfikir aras tinggi. Sehubungan itu, program i-THINK diperlukan untuk meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Ismail, 2012).

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Dua objektif kajian telah dibentuk seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap pelaksanaan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah rendah daerah Papar dan Penampang, Sabah.
- ii. Mengetahui masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah.

### **SOALAN KAJIAN**

Kajian ini cuba menjawab dua soalan seperti berikut:

- i. Apakah tahap pelaksanaan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah rendah daerah Papar dan Penampang, Sabah?

- ii. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah?

### SOROTAN LITERATUR

Di Malaysia, percubaan yang lebih eksplisit untuk mengajar kemahiran-kemahiran dalam pemikiran telah bermula pada tahun 1993 di sekolah dan pada tahun 1994 di maktab-maktab perguruan. Namun begitu, didapati bahawa sehingga ketika ini terdapat kajian yang menunjukkan bahawa tahap kemahiran pemikiran murid-murid tidak berada pada tahap yang dihasratkan pihak KPM. Prestasi Malaysia dalam laporan kajian TIMSS menunjukkan penurunan prestasi pemikiran murid sekolah daripada tahun 1999 hingga 2007. Keputusan laporan kajian PISA pada tahun 2009+ juga menunjukkan prestasi yang kurang memberangsangkan, didapati bahawa Malaysia berada dalam kelompok sepertiga terbawah, serta lebih rendah daripada purata antarabangsa. Keputusan TIMSS pada tahun 2007 dan PISA pada tahun 2009+ telah menunjukkan bahawa sebilangan besar murid kita tidak dapat membuat interpretasi maklumat lebih kompleks dan gagal menunjukkan keupayaan berfikir bagi mengenal pasti strategi penyelesaian yang sesuai. Selain itu didapati juga murid tidak dapat mempamerkan proses kognitif aras tinggi dalam penyampaian keputusan (PPPM, 2012 hlm. E21). TIMSS tahun 2011 menunjukkan skor purata pencapaian murid Malaysia berusia 14 tahun dalam Sains dan Matematik menurun secara signifikan berbanding TIMSS tahun 2003 dan tahun 2007. Prestasi Malaysia dalam PISA tahun 2012 menunjukkan 44% murid gagal mencapai tahap minimum bacaan, 60% gagal mencapai tahap minimum Matematik dan 43% gagal mencapai tahap minimum Sains. Walaupun terdapat peningkatan skor min sains (438) dan matematik (440) dalam PISA tahun 2018 namun Malaysia belum mencapai purata global Organisation for Economic Co-Operation and Development (OECD) dalam membaca, Sains dan Matematik (The Star Online, 3 Disember 2019).

Guru sekolah pada umumnya mengetahui kepentingan kemahiran-kemahiran pemikiran pada aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka di sekolah. Namun, mereka menghadapi pelbagai masalah dan mendapati agak sukar untuk melaksanakan penerapan KBAT dalam kelas. Didapati bahawa kegagalan menerapkan KBAT dalam kalangan guru adalah kelemahan dalam penguasaan teori-teori dan konsep-konsep asas yang berkaitan dengan kemahiran berfikir. Kebanyakan guru sekolah didapati kurang pengetahuan dan pengalaman melaksanakan aktiviti berasaskan KBAT menggunakan pelbagai pendekatan, strategi, teknik dan alatan. Guru-guru perlu dilatih dan diberi pengetahuan serta pengalaman cara menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Latihan ini perlu dilaksanakan oleh fasilitator KBAT yang berkebolehan serta berpengalaman. KBAT diterapkan dalam sistem persekolahan supaya murid tidak hanya menghafal tetapi juga faham dan tahu apa yang mereka pelajari dan menggunakan akal fikiran pada tahap yang tinggi dengan menguasai kemahiran menilai, mengaplikasi, menganalisis dan mencipta. KBAT di bilik darjah telah diperkukuh melalui pelbagai inisiatif seperti program i-THINK yang dapat membantu pihak sekolah memupuk kemahiran berfikir, menyemai budaya pembelajaran sepanjang hayat, mahir dalam menyelesaikan masalah dan berupaya menghasilkan jalan penyelesaian secara kreatif dalam kalangan murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Laporan PPPM 2013 – 2025 mendapati bahawa prestasi Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa TIMSS dan PISA telah menurun secara ketara. Sehubungan dengan itu, KPM sedang giat mengambil langkah menangani isu tersebut. Satu jawatan kuasa petugas *Higher Order Thinking Skills in Science and Mathematics* (HOTsSM) yang diurus setia oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah ditubuhkan untuk menyelaraskan pelaksanaan tindakan untuk meningkatkan pencapaian prestasi Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran TIMSS dan PISA. Oleh itu pada 27 Julai 2011 mesyuarat antara Agensi Inovasi Malaysia (di bawah Jabatan Perdana Menteri) dan KPM telah bersetuju melaksanakan program i-THINK dengan merintis 10 buah sekolah di Malaysia. Program ini akan

diperluas kepada 1,000 sekolah pada tahun 2013 dan seterusnya semua sekolah akan melaksanakan program ini pada tahun 2014.

i-THINK membawa maksud *innovative THINKing* (pemikiran inovatif). Murid perlu dibekalkan dengan kemahiran berfikir. Program i-THINK merupakan satu program bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikiran kreatif, kritis serta inovatif melalui penggunaan peta pemikiran. Penggunaan peta pemikiran ini dapat merangsang daya fikir seseorang. Guru dan murid akan menggunakan alat berfikir di dalam pengajaran dan pembelajaran di samping melaksanakan aktiviti kemahiran aras tinggi. Terdapat lapan peta pemikiran yang merupakan alat berfikir yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Peta-peta pemikiran ini mempunyai proses pemikiran tersendiri dan setiap peta pemikiran tersebut digunakan untuk membangunkan proses pemikiran tertentu seperti dalam Jadual 5.1:

Jadual 1

*Lapan peta pemikiran i-THINK*

Bil.	Peta Pemikiran	Proses Pemikiran
1	Peta Bulatan	Mendefinisikan sesuatu mengikut konteks.
2	Peta Buih	Menerangkan menggunakan kata sifat.
3	Peta Buih Berganda	Membanding beza
4	Peta Pokok	Membuat pengelasan
5	Peta Dakap	Menunjukkan hubungan sebahagian daripada keseluruhan
6	Peta Alir	Menunjukkan urutan
7	Peta Pelbagai Alir	Menggambarkan sebab dan akibat
8	Peta Titi	Membuat analogi

Menurut Chaffee (2006), kemahiran berfikir boleh dikembangkan melalui latihan dan pengalaman dalam pelbagai aktiviti dan kaedah kemahiran berfikir. Untuk melahirkan murid yang mahir berfikir, mereka perlu dididik dan dilatih supaya dapat berfikir secara kritis dan kreatif. Pemikiran kritis sebenarnya melibatkan penyusunan kembali konsep-konsep dengan tujuan menilai sesuatu objek atau satu-satu situasi. Manakala pemikiran kreatif lebih dihubungkan dengan daya kreativiti seseorang individu. Pemikiran kritis merujuk keupayaan untuk memproses maklumat yang menghasilkan sesuatu yang baharu dan asli. Kedua-dua proses berfikir secara kritis dan kreatif adalah sangat penting dalam sistem pendidikan Malaysia. Individu yang mengetahui cara berfikir, lazimnya mempunyai peluang yang lebih baik untuk mengurus kehidupan dan meningkatkan pencapaian serta dapat mengharungi perjalanan hidupnya dengan lebih selesa dan bermakna.

Kemahiran berfikir perlu diajar kepada murid supaya mereka sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan sebarang bentuk permasalahan yang mencabar dengan tindakan dan kaedah penyelesaian yang betul dan bermanfaat. Justeru, guru-guru yang terlibat secara langsung dengan murid perlu menguasai kemahiran berfikir supaya kemahiran tersebut dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kandungan mata pelajaran sejarah peringkat sekolah rendah bertujuan mendidik murid untuk memahami latar belakang negara dan sejarahnya dengan melihat perubahan yang berlaku serta kesinambungan yang masih dikekalkan terutamanya dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Fokus utama Kurikulum Standard Sejarah Sekolah Rendah ialah menyemai ilmu pengetahuan dan asas Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) di samping penerapan semangat patriotik melalui pengetahuan tentang masa lalu yang mempengaruhi masa kini. Melalui pembelajaran tersebut, murid dapat membina kerangka kronologi tentang pengetahuan sesuatu peristiwa penting dan tokoh-tokoh yang terlibat. Murid dapat membuat perbandingan tentang pengalaman manusia dan seterusnya berupaya memahami diri mereka secara individu serta sebagai ahli dalam sesebuah masyarakat. Pemahaman asas tentang sejarah negara dapat

melahirkan perasaan cintakan negara dan melahirkan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Oleh itu sejarah di peringkat sekolah rendah bukan merupakan satu mata pelajaran yang statik tetapi dapat merangsang pemikiran murid. Melalui pengajaran dan pembelajaran, murid dapat memahami secara kritis dan imaginatif tentang segala aspek kehidupan manusia silam dan kini secara empati. Secara khusus, mata pelajaran Sejarah menekankan asas KPS yang dipupuk dan dikembangkan dalam kalangan murid bagi meningkatkan kemahiran kritis, kreatif dan inovatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014b). Sehubungan itu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah harus menjurus kepada pemupukan kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif melalui aktiviti inkuiri dan penerokaan bagi mengukuhkan pemahaman tentang sejarah.

Pengajaran sejarah di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah seharusnya menyeronokkan dan bermakna. Pengajaran ini tidak seharusnya tertumpu kepada muntahan fakta daripada guru kepada murid. Sebaliknya, mata pelajaran ini mestilah lebih bercorak merangsang pemikiran sejarah, iaitu situasi murid berfikir secara kritis, mampu membuat perkaitan antara satu peristiwa dengan satu peristiwa yang lain, membuat interpretasi, mencari bukti, membuat pertimbangan dan ramalan serta imaginasi. Pengajaran dan pembelajaran begini bukan sahaja akan menarik minat murid terhadap pendidikan sejarah tetapi mampu membentuk murid supaya mempunyai ciri-ciri seorang sejarawan (KPM, 2014b).

### **METODOLOGI KAJIAN**

Penyelidikan ini merupakan kajian tinjauan. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik untuk memperolehi maklumbalas tahap pelaksanaan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah secara tinjauan. Disamping itu penyelidikan ini juga ingin mendapatkan maklumat mengenai “Apakah masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah?”. Populasi kajian ini terdiri daripada 37 orang guru sejarah di daerah Papar dan Penampang, Sabah.

Borang soal selidik ini mengandungi 20 soalan berstruktur yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A mempunyai dua item yang berkaitan dengan maklumat responden daripada segi latar belakang demografi diri responden iaitu jantina dan pengalaman mengajar. Bahagian B pula mengandungi 17 soalan berkaitan dengan konstruk yang dibina untuk mengukur tahap pelaksanaan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah rendah. Satu soalan terbuka turut disediakan untuk Bahagian C. Para responden digalakkan dan mempunyai kebebasan untuk memberi gambaran sebenar terhadap masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah. Soal selidik ini sesuai dan berkaitan dengan kajian tinjauan. Kaedah ini juga membolehkan responden menjawab semua soalan dalam masa yang singkat.

Skala lima mata digunakan sebagai pengukuran untuk meninjau tahap pelaksanaan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah rendah. Responden dikehendaki membuat pemilihan yang terhad dengan membulatkan jawapan di ruangan yang disediakan dalam kotak yang bertanda 1, 2, 3, 4 dan 5 yang membawa maksud seperti berikut 1: Sangat Tidak Setuju, 2: Tidak Setuju, 3: Kurang Setuju, 4: Setuju, dan 5: Sangat Setuju.

Penganalisan data dilakukan menggunakan program ‘*Statistical Package for the Sosial Science*’ (SPSS) versi 20.0. Kaedah penganalisan data ini hanya melibatkan statistik deskriptif. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data maklumat diri responden menggunakan kekerapan dan peratus untuk melihat taburan responden mengikut item-item yang disediakan. Ini termasuklah taburan responden mengikut jantina dan pengalaman mengajar. Begitu juga tahap pelaksanaan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah rendah. Data kualitatif yang diperolehi daripada soalan terbuka dianalisis untuk mengenal pasti isu-isu yang dikemukakan oleh responden. Isu-isu ini kemudian dihitung untuk mendapatkan kekerapan dan seterusnya peratus mengikut kategori. Kategori-kategori ini

seterusnya disusun mengikut peratusan dari tertinggi hingga terendah. Skor min yang digunakan dalam kajian ini untuk mengukur tahap pelaksanaan Program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah sekolah rendah ditetapkan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi seperti Jadual 2.

Jadual 2

*Skor min tahap pelaksanaan program i-think dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah sekolah rendah*

Tahap Pelaksanaan	Skor Min
Rendah	1.00 hingga 2.33
Sederhana	2.34 hingga 3.66
Tinggi	3.67 hingga 5.00

Sumber: Sharifah Nor Puteh, Nooreiny Maarof dan Elisabeth Tak (2010)

### KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Analisis kajian ini berdasarkan data yang dikumpulkan daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 37 orang guru sejarah sekolah rendah di daerah Papar dan Penampang, Sabah. Data yang dikumpul kemudian dianalisis melalui kaedah statistik diskriptif menggunakan SPSS 20.0. Analisis kajian yang dijelaskan di bawah merangkumi bilangan responden mengikut jantina dan pengalaman mengajar serta skor tahap pelaksanaan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah sekolah rendah. Manakala soalan terbuka “Apakah masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah?” dianalisis untuk mendapatkan kekerapan dan peratus mengikut kategori. Sejumlah 40 borang soal selidik telah diedarkan mengikut bilangan sebenar guru sejarah Namun hanya 37 borang soal selidik berjaya dikembalikan untuk dianalisis.

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Bilangan responden lelaki seramai 11 orang (29.7%) manakala responden perempuan pula seramai 26 orang (70.3%). Ini menunjukkan bilangan responden perempuan dalam kajian ini melebihi responden lelaki sebanyak dua kali ganda.

Jadual 3

*Taburan responden mengikut jantina*

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	11	29.7
Perempuan	26	70.3
Jumlah	37	100

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut pengalaman mengajar mata pelajaran Sejarah. Hanya seorang (2.7%) mempunyai pengalaman mengajar kurang lima tahun. Seramai 10 orang (27.02%) mempunyai pengalaman mengajar 5-10 tahun. Seramai enam orang (16.22%) mempunyai pengalaman mengajar 11-20 tahun dan 20 orang (54.05%) mempunyai pengalaman mengajar melebihi 20 tahun. Ini menunjukkan lebih separuh responden mempunyai pengalaman mengajar melebihi 20 tahun.

Jadual 4

*Taburan responden mengikut pengalaman mengajar*

Pengalaman Mengajar	Bilangan	Peratus
< 5 tahun	1	2.7
5-10 tahun	10	27.02
11-20 tahun	6	16.22

> 20 tahun	20	54.05
Jumlah	37	100

Jadual 5 menunjukkan skor min keseluruhan tahap pelaksanaan Program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah sekolah rendah adalah tinggi (M=3.73). Ini menggambarkan guru-guru sejarah mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan Program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah sekolah rendah. Namun begitu guru-guru ini masih menghadapi masalah dalam aspek (i) pembinaan soalan KBAT, dan (ii) mempelbagaikan kaedah serta pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah.

Penghasilan soalan yang menjana pemikiran memerlukan kombinasi pelbagai kemahiran yang dapat dikuasai melalui latihan yang intensif dan kritikal dan juga melalui pengalaman. Dalam pembinaan item KBAT, guru hendaklah sentiasa berusaha berfikir di luar kotak. Ujian yang digubal dengan baik boleh memotivasikan murid dan mengukuhkan pembelajaran mereka. Ujian yang baik juga membolehkan guru menilai penguasaan murid terhadap objektif pengajaran. Sehubungan dengan itu responden perlu dilatih supaya akur kepada prinsip-prinsip asas dan penduan pembinaan item iaitu mempunyai ciri-ciri seperti keakuran, ketepatan dan kejelasan serta kesesuaian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Guru yang mahir dalam pedagogi dan penggunaan sumber yang berkesan mampu menjadikan pengajaran dan pembelajaran sejarah menarik, bermakna, menyeronokkan dan seterusnya meningkatkan minat murid-murid untuk mempelajari sejarah. Ketandusan kepelbagaian kaedah dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah menunjukkan pengajaran guru lebih banyak diorientasikan oleh keperluan peperiksaan dan menghabiskan sukatan pelajaran serta terlalu terikat dengan buku teks. Ketandusan inovasi dan pembaharuan yang berterusan dalam pengajaran sejarah di sekolah menyebabkan murid merasakan mata pelajaran ini stereotaip, tidak mencabar dan membosankan.

Jadual 5

*Tahap pelaksanaan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah sekolah rendah*

Item	Aspek kajian	Min	Tahap
1	Saya boleh menerangkan konsep program i-THINK	3.86	Tinggi
2	Saya boleh menjelaskan perkaitan antara program i-THINK dan KBAT	3.70	Tinggi
3	Saya boleh menjelaskan perkaitan antara program i-THINK dan Pendidikan Abad Ke-21	3.70	Tinggi
4	Saya dapat membina laman peta pemikiran dengan tepat	4.03	Tinggi
5	Saya dapat kaitkan proses pemikiran bagi laman peta pemikiran	3.84	Tinggi
6	Saya berupaya menghubungkaitkan laman peta pemikiran dengan aras kognitif	3.51	Sederhana
7	Saya berupaya mengaplikasikan laman peta pemikiran dalam aktiviti PdPc.	3.86	Tinggi
8	Saya berupaya menjustifikasikan tujuan soalan dikemukakan ketika PdPc	3.51	Sederhana
9	Saya dapat menyatakan ciri-ciri soalan yang berkesan	3.57	Sederhana
10	Saya dapat membina soalan untuk setiap aras kognitif	3.43	Sederhana
11	Saya dapat kenal pasti ( <i>identify</i> ) peta pemikiran yang sesuai berdasarkan soalan yang disediakan	3.78	Tinggi
12	Saya dapat membina RPH dengan menerapkan elemen peta pemikiran	3.76	Tinggi
13	Saya dapat membina RPH dengan menerapkan elemen penyoalan KBAT	3.62	Sederhana
14	Saya dapat membina RPH dengan menerapkan elemen peta pemikiran dan penyoalan KBAT	3.65	Sederhana



15	Saya berkeyakinan untuk mempelbagaikan kaedah dan pendekatan dalam penyampaian PdPc berkesan	3.65	Sederhana
16	Saya sedar kepentingan tentang kepentingan peta pemikiran dalam membudayakan KBAT dalam PdPc	3.92	Tinggi
17	Saya jelas tentang kepentingan peranan guru dalam melaksanakan keperluan pembelajaran abad ke-21	3.97	Tinggi
Skor Keseluruhan		3.73	Tinggi

Analisis ke atas data kualitatif yang diperoleh daripada soalan terbuka “Apakah masalah yang anda hadapi semasa melaksanakan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah?” telah membawa kepada lima kategori. Kategori-kategori tersebut ialah (i) sikap murid, (ii) murid lemah, (iii) kurikulum sejarah, (iv) kekurangan sumber, dan (v) beban kerja guru seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6


*Taburan komen soalan terbuka mengikut kategori*

Kategori	Kekerapan Komen	Peratus
Sikap murid	36	38.7
Murid lemah	21	22.6
Kurikulum sejarah	16	17.2
Kekurangan sumber	12	12.9
Beban kerja guru	8	8.6
Jumlah	93	100

Komen-komen yang tergolong dalam kategori sikap murid adalah murid malas, murid tidak berminat dan murid tidak membuat ulangkaji. Komen-komen yang tergolong dalam kategori murid lemah pula adalah murid lemah dari segi kognitif dan murid tidak menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira). Dalam kategori kurikulum sejarah, isu-isu yang dibangkitkan oleh responden ialah kekangan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan skop sukatan pelajaran yang luas. Menurut komen-komen responden, kekurangan sumber adalah seperti ketiadaan atau kekurangan bahan sejarah, bahan bantu mengajar sejarah dan terlampau bergantung kepada buku teks sahaja. Dalam kategori beban kerja guru, komen-komennya ialah guru terbeban dengan tugas-tugas lain seperti guru disiplin, guru kelas, pengurusan dan perkeranian serta tugas-tugas luar. Dapatan kajian yang diperoleh secara kualitatif dapat dirumuskan responden mengenal pasti sikap murid terhadap sejarah (38.7%) merupakan masalah utama semasa melaksanakan program i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah. Hasil penemuan yang diperoleh daripada soalan terbuka ini kolerasi dengan dapatan kuantitatif yang mengaitkan cara pengajaran guru dengan sikap murid terhadap sejarah. Kegagalan guru dalam pelaksanaan pedagogi yang berkesan telah menyebabkan murid tidak berminat, tidak membuat ulang kaji, menganggap sejarah tidak penting, menimbulkan masalah disiplin dalam kelas, menganggap sejarah susah serta membosankan.

Dalam PPPM 2013-2025, pendidikan di Malaysia perlu mempunyai daya saing yang tinggi pada peringkat global. Setiap murid perlu melengkapkan diri dengan enam ciri utama iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan beridentiti nasional. Ternyata kemahiran berfikir merupakan salah satu ciri yang amat penting untuk menghasilkan murid yang boleh memenuhi keperluan negara maju pada tahun 2020.

Perubahan dalam ekonomi dunia telah menjadikan kemahiran berfikir sangat penting kepada negara maju supaya dapat memenuhi keperluan tenaga kerja dalam dan luar negara. Mengikut *Partnership for 21st Century Skills*, kemahiran berfikir amat diperlukan selaras dengan negara kita menuju ke arah negara maju pada tahun 2020.




Rajah 2.

*Ekonomi yang berubah menjadikan "Kemahiran Berfikir" lebih penting dalam profesiaon*

Selain itu, ekonomi negara juga sedang berubah ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan yang memerlukan rakyat yang lebih kritis, kreatif dan inovatif. Oleh itu, setiap individu perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penyelesaian masalah, penaakulan dan pemikiran kreatif dan inovatif. Dalam sistem pendidikan pada ketika ini, kemahiran berfikir kurang diberi perhatian di sekolah menyebabkan murid kurang berupaya untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan berfikir secara kritis serta kreatif di luar konteks akademik.

Rajah 3 di bawah menunjukkan bahawa keperluan rakyatnya sebagai negara maju lebih kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Misalnya di Amerika Syarikat, aktiviti penyelidikan, pembangunan, reka bentuk, pemasaran dan penjualan serta pengurusan memerlukan individu yang kreatif. Aktiviti kreativiti memerlukan individu yang berkemahiran tinggi untuk berfikir.



Rajah 3. Dunia abad ke-21: Dunia kerja masa depan

### KESIMPULAN

Penemuan terbaharu hasil soal selidik Unit Khas Utusan Malaysia (Bernama, 22 Oktober 2009) mendapati ramai remaja generasi kini dan segelintir orang dewasa bersikap tidak ambil tahu serta memandang remeh fakta-fakta penting bangsa dan negara. Responden yang terlibat gagal menyatakan dengan tepat hari kemerdekaan negara, tarikh penubuhan Malaysia, Rukun Negara dan lain-lain lagi. Walaupun keseluruhan responden berumur dari enam belas hingga lima puluh satu tahun, namun mereka yang gagal menjawab soalan-soalan berkaitan sejarah dan pengetahuan am ini menjurus kelompok usia di bawah tiga puluh tahun khususnya antara enam belas hingga dua puluh tahun. Jika kita lihat perangkaan yang diberikan bermaksud golongan muda khususnya murid sekolah tidak menghayati sejarah negara walaupun mata pelajaran ini adalah mata pelajaran teras di sekolah. Sehubungan itu rancangan mengajar yang disediakan oleh guru harus mengambil kira pelbagai aspek yang dapat menimbulkan rasa ingin tahu dalam diri murid. Ini boleh dicapai dalam suasana pembelajaran yang aktif. Ciri interaktif dalam kelas sememangnya amat penting dalam memberi keyakinan kepada murid dan seterusnya melahirkan pemikiran kreatif dan kritis.

### RUJUKAN

Abdul Majid, K. 2000. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anat Zohar. 2003. Higher order thinking skills and low-achieving students: Are they mutually exclusive? *The Journal of The Learning Sciences*. 12(2), 145–181.

Chaffee, J. 2006. *Thinking critically* (8<sup>th</sup> Edition). Boston: Houghton Mifflin Company.

- Creswell, J. W. 2012. *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (4<sup>th</sup> Edition). Boston: Pearson.
- Gay, L. R. & Airasian, P. 2000. *Educational research: Competencies for analysis and application*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Ismail, S. 2012. *Pedagogi sejarah bagi Diploma Perguruan Lepas Ijazah*. Perlis: IPG Kampus Perlis.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Laporan awal pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *KBAT: Inisiatif kemahiran berfikir aras tinggi di sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014a. *Kemahiran berfikir aras tinggi: aplikasi di sekolah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014b. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran sejarah tahun empat*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Sejarah Tahun Lima*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lisa Yip Shukye. 2013. Pengenalan peta pemikiran i-Think kepada pelajar DPLIambilan Disember 2012. *Jurnal KBAT Kent. i-THINK: Aplikasi peta pemikiran dalam pengajaran dan pembelajaran*. Jilid 1, Bilangan 1, November 2013. Tuaran: IPG Kampus Kent, Tuaran Sabah.
- Lisa Yip Shukye. 2014. Rancangan Pengajaran Harian Sejarah Tahun Empat: Zaman Prasejarah. *Jurnal KBAT Kent. i-THINK: Aplikasi peta pemikiran dalam pengajaran dan pembelajaran*. Jilid 2, November 2014. Tuaran: IPG Kampus Kent, Tuaran Sabah.
- “Prosiding Simposium Janji Sejarah: Asas Berfikiran Aras Tinggi.” 22-23 Januari 2015. The Royale Chulan Damansara. Anjuran Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Ramirez, R. P. B. and Ganaden, M. S. 2008. Creative activities and students’ higher order thinking skills. *Education Quarterly*. Vol. 66 (1). 22-33
- Rajendran Nagappan. 2001. The teaching of higher-order thinking skills in Malaysia. *Journal of Southeast Asia Education*. Vol. 2. No.1.
- Rosy Talin. November 2015. Historical thinking skills – The forgotten skills? *International Journal of Learning and Teaching*. Vol. 7. Issue 1. 15-23
- Seixas, O. 1999. beyond ‘content’ and ‘pedagogy’: In search of a way to talk about history education. *J. Curriculum Studies*. 31. 3. 317-337.
- Sharifah Nor Puteh, Nooreiny Maarof dan Elisabeth Tak. 2010. Students’ perception of the teaching of historical thinking skills. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. 18. S. 87-95.
- The Star Online, 3 Disember 2019

(t.p.). 2013. *Think beyond: konsep dan panduan pelaksanaan program i-THINK*. Selangor: Majlis Pengetua Cemerlang Kebangsaan Negeri Selangor dan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Negeri Selangor.

Wineburg, S. S. 1991. Historical problem solving: A study of the cognitive processes used in the evaluation of documentary and pictorial evidence. *Educational Psychology*. 18. Winter. 73-87.

Wineburg, S. S. 2001. *Historical thinking and other unnatural acts*. Philadelphia: Temple University Press.